



SIARAN MEDIA

INSIDEN KEMALANGAN PESERTA TERJUNAN PUTRAJAYA BASE JUMP 2021 (PBJ2021) DI BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

Putrajaya, 2 Januari 2021 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersympati kepada keluarga salah seorang penerjun (*Base Jump*) yang terkorban ketika melakukan latihan terjunan dari bangunan KPWKM sempena Hari Wilayah 2021 yang berlaku semalam.

Base Jump adalah satu acara sukan ekstrem yang diadakan di bangunan KPWKM setiap tahun dan penganjuran *Putrajaya Base Jump* (PBJ) telah berjaya menarik penyertaan penerjun profesional termasuk daripada luar negara.

Pihak Perbadanan Putrajaya telah mengemukakan permohonan kepada pihak kementerian dan kebenaran telah diberikan berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Pihak kementerian dan Perbadanan Putrajaya juga telah mengambil langkah keselamatan mengikut prosedur yang telah ditetapkan seperti menyediakan pasukan keselamatan dan kecemasan di lokasi penganjuran.

####

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluraga dan Masyarakat

